

TARIKH	SELASA, 2 APRIL 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	AGONG TITAH PERANGI RASUAH HABIS-HABISAN
M/S	1 & 3
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

Selasa, 2 April 2024 | 22 Ramadan 1445 | Tel: 1 300 22 6787 | PP 414/10/2012 (030686) | RM2 •

# Agong titah perangi rasuah habis-habisan

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim mengingatkan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki menumpukan usaha perangi rasuah habis-habisan memandangkan tempoh bulan madu sudah berakhir dan kini masa untuk menangkap 'lebah'.

## Anwar sedih rasuah penjawat awam menular

Melahirkan rasa sedih dan terkesan dengan isu rasuah dan salah guna kuasa membabitkan kastam di kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sehingga negara rugi lebih RM2 bilion, Perdana Menteri menegaskan kegiatan itu tidak seharusnya dianggap remeh kerana ia menyebabkan kerugian kepada negara.



**Wadah Pembaharuan**  
**BH**  
Berita Harian  
Diterbit sejak 1957 www.bh.com.my

→ Nasional 3

# Sultan Ibrahim titah SPRM tingkat usaha perangi rasuah

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim mengingatkan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki menumpukan usaha memerangi rasuah habis-habisan memandangkan tempoh bulan madu sudah pun berakhir.

Seri Paduka baginda sekali lagi menegaskan bahawa memerangi ancaman rasuah sebagai musuh nombor satu negara adalah antara tumpuan utama dalam pemerintahannya.

Titah itu disampaikan Seri Paduka baginda ketika berkenan menerima menghadap Ketua Pesuruhjaya agensi penguatkuasaan itu di Istana Negara, semalam.

Dalam hantaran di Facebook Sultan Ibrahim, pertemuan yang berlangsung kira-kira 30 minit menyaksikan Azam mempersembahkan mengenai perkembangan terkini agensi penguatkuasaan itu kepada Seri Paduka baginda.

"Sebagaimana saya tegaskan sebelum ini, *my honeymoon is over, now go catch the bees* (bulan madu beta sudah berakhir, sekarang masa tangkap lebah)," titah Seri Paduka baginda sambil menyerahkan madu sebagai simbolik berakhirnya tempoh 'bulan madu'.

Pada 19 Mac lalu, Sultan Ibrahim bertitah akan melaksanakan cara pemerintahan yang benar selepas hampir tempoh bulan madu.

Baginda juga bertitah bahawa baginda 'bukan patung untuk disembah atau dijadikan perhisan dalam majlis atau dipaksa mengikut segala kata dan kehendak menteri'.

Sultan Ibrahim melafazkan sumpah memegang jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-17 selama lima tahun dalam upacara di Istana Negara, Kuala Lumpur, pada 31 Januari lalu.

Baginda menggantikan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang tamat tempoh pemerintahannya.



Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Azam di Istana Negara, semalam.  
(Foto ihsan FB Sultan Ibrahim)

DISEDIAKAN OLEH	PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
-----------------	--